

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 MARCH 2017

# Pembangunan pasaran modal negara diiktiraf

Oleh **SAFINA RAMLI**  
pengarang@utusan.com.my


■ **KUALA LUMPUR 14 MAC**

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berkata, pemilihan Malaysia sebagai hab Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (Iosco) yang pertama di Asia Pasifik membuktikan usaha kepimpinan negara ini dalam membangunkan pasaran modal berkualiti diiktiraf di peringkat global.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan hab Iosco bagi Asia Pasifik di negara ini tepat pada waktunya kerana rantau ini merupakan pemain utama dalam pasaran global ketika ini.

“Saya berbangga apabila Malaysia dipilih oleh Iosco untuk dijadikan hab rantau bagi Asia Pasifik.

“Rantau ini menyumbang kepada hampir 30 peratus pertum-

  
**Rantau ini menyumbang kepada hampir 30 peratus pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) peringkat global iaitu peningkatan sekali ganda berbanding 1980.”**

**DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

buhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) peringkat global iaitu peningkatan sekali ganda berbanding 1980,” katanya ketika berucap merasmikan Iosco yang pertama di rantau Asia Pasifik di Suruhanjaya Sekuriti (SC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi SC,

Tan Sri Ranjit Ajit Singh dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan Hong Kong, Ashley Alder.

Hab Iosco Asia Pasifik yang terletak di bangunan SC di sini merupakan pejabat pertama Iosco di luar ibu pejabatnya di Madrid, Sepanyol.

Peranan Iosco adalah untuk mewujudkan kerjasama erat merentasi sempadan dan kepakaran dalam kalangan rakan pengawal selia domestik serta antarabangsa bagi membangunkan pasaran modal Asia Pasifik dan kapasitinya.

Menurut Najib, selain itu rantau Asia Pasifik kini mewakili 47 peratus daripada sektor pengeluaran dunia.

“Malah pada 2030 dijangka Asia Pasifik akan mewakili 59 peratus daripada golongan pertengahan dunia dan ini merupakan satu prospek yang terbaik bagi pembangunan ekonomi rantau ini,” katanya.